

18/03/2000

Meningkatkan martabat bangsa

DALAM temubual khas dengan e-Umno baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjelaskan beberapa isu politik semasa, agama dan sumbangan orang Melayu kepada bangsa dan negara. Ikuti inti temubual itu.

Soalan: Penganalisis politik kini berpendapat Umno perlu mengurangkan politiking untuk menghadapi pilihan raya akan datang. Dalam Umno banyak perebutan jawatan seperti pemilihan sekarang, selepas ini pula ada pemilihan pada peringkat bahagian pada 2001, sedangkan pada 2004 akan ada sekali lagi pilihan raya umum. Apa komen Datuk Seri?

Datuk Seri Abdullah: Saya bersetuju politiking berlebihan membawa kesan tidak baik. Apabila politiking terlalu banyak, seseorang itu akan sibuk dengan politik dan menyebabkan kerja parti yang lain kurang dibuat. Ini boleh merugikan parti. Bagaimanapun, kita tidak dapat elak kerana dalam Umno kita ada beberapa pemilihan parti dan ia adalah kehendak perlembagaan yang tidak boleh dielak. Jadi dalam hal ini, ahli Umno perlu tahu di samping mereka menghadapi dan memenuhi keperluan Perlembagaan, kerja kita untuk berjuang bagi kepentingan parti, melaksanakan apa yang dijanjikan oleh parti dalam pilihan raya, membantu rakyat, berkhidmat kepada rakyat, menghadapi segala isu dan mencari penyelesaiannya, tidak boleh diabaikan. Kita tidak boleh 'tawakuf' atau berhenti sekejap berkhidmat kepada rakyat semata-mata kerana kita ada pemilihan dalam parti.

Dengan itu adalah penting, ahli yang terbabit dalam pemilihan parti, janganlah berkempen berlebih-lebihan atau membuat tuduhan bukan-bukan yang boleh menimbulkan masalah kepada parti. Sebenarnya tidak perlu banyak berkempen kerana sesiapa saja yang hendak menjadi pemimpin Umno atau sebagai calon untuk bertanding pada peringkat bahagian atau Majlis Tertinggi (MT) mestilah sudah sedia dikenali. Kalau tiada siapa kenal tetapi tiba-tiba hendak jadi ketua atau jawatankuasa di bahagian atau MT sehingga menyebabkan mereka sibuk untuk memperkenalkan diri, buat apa?

Kita hendak mereka yang mahu menjadi pemimpin biarlah orang yang sudah lama dalam parti dan biasa memberi jasa kepada parti. Apabila namanya disebut orang sebagai calon untuk ketua bahagian atau apa jawatan sekalipun, ramai orang akan kata yang mereka kenal calon itu dan kita tahu kesanggupannya untuk berkhidmat, kewibawaan, kegigihan atau kesetiiaannya terhadap parti yang amat bersungguh-sungguh mahu berjuang untuk parti.

Buat apa nak kempen, bila kempen kalau kita tak cakap pasal diri kita, kita akan cakap pasal orang lain. Bila kita mengata orang lain bukan bermakna kita lebih baik. Pada saya, pada satu pihak kita tidak boleh lari daripada tanggungjawab menunaikan kehendak perlembagaan parti tetapi di samping itu juga kita tidak boleh lari daripada melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada rakyat. Kita adalah parti kerajaan dan mempunyai peranan besar untuk memenuhi segala janji yang ada dalam manifesto kita dulu. Kalau banyak politiking memang merugikan negara. Jadi kurangkanlah politiking untuk kebaikan semua.

Soalan: Apa nasihat Datuk Seri kepada mereka yang begitu ghairah mahu bertanding dalam pemilihan Mei ini sampai bertindak keterlaluan dengan memburukkan peribadi orang lain yang dikhuatiri boleh mengeruhkan suasana parti. Mereka juga mungkin berkempen tidak mematuhi kod etika.

Datuk Seri Abdullah: Inilah kalau sudah terlajak dan tak ambil kisah peraturan, kod etika dan sebagainya sudah tentu buat pekara tidak baik. Dulu ada ketetapan di mana ketiga-tiga pemilihan diadakan dalam satu tahun

tetapi oleh sebab beberapa perubahan berlaku, pemilihan ini dan di bahagian diadakan pada tahun berlainan. Mungkin ada baiknya kita mencari satu masa dan ketika untuk menyamakan semua pemilihan ini. Biarlah kita hadapi pemilihan serentak sama ada untuk peringkat bahagian ataupun MT seperti yang pernah kita lakukan.

Jadi perselisihan tarikh pemilihan ini disebabkan perkara seperti kita mengadakan pendaftaran semula dan kemudian pilihan raya. Ini memaksa kita melewatkan pemilihan berkenaan. Jadi, sekarang kita terpaksa hadapi keadaan begini dengan pemilihan MT pada tahun ini dan bahagian pada tahun depan.

Soalan: Ramai berpendapat keadaan politik yang sudah tenang sekarang adalah masa untuk memulihkan perpaduan umat Melayu keseluruhannya. Apa pendapat Datuk Seri?

Datuk Seri Abdullah: Ya, saya bersetuju. Inilah masanya kita mesti berusaha untuk yang pertamanya, mengukuhkan Umno dan perpaduan ahli Umno supaya ia menjadi tenaga yang mampu membawa pembangunan kepada rakyat dan memastikan orang Melayu sentiasa bersatu padu.

Di samping itu, yang kedua, ia perlu dijadikan satu persiapan untuk orang Melayu meningkatkan kemampuannya dalam menghadapi cabaran masa depan dalam negara atau pada persada persaingan antarabangsa. Kita adalah negara yang tidak boleh diasingkan dengan apa yang sedang berlaku pada peringkat antarabangsa. Kita tidak boleh melindungi Umno, kita juga tidak boleh isolate (asingkan) Umno dan juga orang Melayu. Kita tidak boleh mengasingkan Malaysia dan menjauhkan diri daripada apa yang berlaku.

Tengok apa yang berlaku sewaktu krisis mata wang yang bukan disebabkan oleh tindakan kita tetapi disebabkan tindakan negara luar. Kesannya buruk. Tetapi kalau kita tidak kuat dan kita tidak bersatu padu dan kalau rakyat tidak sokong kita dan tidak memberikan kerjasama atau kalau kesatuan sekerja tidak bekerjasama, kita tidak boleh pulihkan ekonomi kita ini. Ini satu pengalaman dan pengajaran yang tidak boleh kita lupakan.

Soalan: Penganalisis politik berpendapat orang Melayu perlu bersatu padu dan melupakan perbezaan ideologi politik masing-masing selepas pilihan raya. Ini kerana agenda mereka kini adalah menghadapi cabaran alaf baru demi meningkatkan martabat bangsa. Apa kata Datuk Seri?

Datuk Seri Abdullah: Memang benar. Kalau kita bermuafakat, bersatu padu dan rakyat sedia bekerjasama dengan kerajaan, maka masalah yang begitu dahsyat sekalipun dapat kita atasi bersama. Ini terbukti, hari ini Alhamdulillah, ekonomi kita sedang dalam peringkat pengukuhan. Kita mencapai pertumbuhan pada 5.4 peratus. Kita mahu orang Melayu terus mencapai kejayaan yang kian meningkat. Kita mesti ada agenda untuk meningkat dan memartabatkan bangsa. Kita adalah bangsa berdaulat kerana kita merdeka, kerana kita menjadi pemerintah dalam negara kita. Tetapi apa yang penting ialah martabat bangsa itu perlu ditingkatkan. 'Hidup Melayu Biar Bermartabat', itu yang penting dan bukan kita menimbulkan perpecahan kerana kepentingan diri.

Soalan: Kini wujud seolah-olah satu sindrom orang Melayu nampaknya kurang senang dengan kaum mereka sendiri yang mencapai kejayaan dan kaya berikutan hasutan pihak tertentu. Ada pula, apabila orang Melayu kaya sikit kita dapati kejayaan mereka dipersoalkan. Apa komen Datuk Seri?

Datuk Seri Abdullah: Saya tidak berasa begitu dan tidak mungkin ada sindrom begitu di kalangan orang Melayu. Rata-rata orang Melayu tidak membenci kepada orang yang sudah berjaya dan kaya. Mungkin ada segelintir atau kumpulan kecil yang ada perasaan sendiri atau motif politik, maka mereka timbulkan isu begini.

Sebenarnya kita patut berasa gembira kerana dalam masyarakat kita sudah ramai yang berjaya, kaya dan maju. Ini adalah satu rahmat dan daripada mereka yang berjaya ini masyarakat mudah mendapatkan pertolongan, derma

dan pelbagai sumbangan untuk melakukan bermacam kegiatan murni.

Saya tahu kerana saya membesar menjadi pemimpin persatuan peringkat sekolah sebelum merdeka, sehingga menjadi pemimpin pelajar dan menjadi presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS). Mula-mula kita merdeka, saya masuk universiti. Pada masa itu bukan senang nak cari derma, bukan senang nak dapatkan sumbangan. Tetapi hari ini kebanyakan persatuan sukarela atau badan bukan kerajaan (NGO) lebih senang mendapatkan sumbangan kerana ada orang yang mahu dan mampu menderma.

Satu lagi, apabila terjadi sesuatu perkara di negara kita, seperti kemalangan atau berita sesebuah keluarga mengalami tragedi atau sakit tetapi tidak boleh mendapatkan rawatan kerana masalah kewangan, ada orang yang tampil ke depan mahu bersedekah, mahu membantu kerana mereka ada kemampuan dan kaya.

Pada hari ini, Jabatan Zakat dan Fitrah sudah mempunyai dana besar berbanding pada masa dulu yang jumlah zakat tidak seberapa. Hanya yang ada pada masa itu orang membayar zakat padi, itu saja yang ada, sedangkan zakat perniagaan amat kecil. Siapalah yang hendak bayar zakat perniagaan pada masa itu kerana bilangan orang Melayu yang berjaya dengan pencapaian besar dalam dunia perniagaan boleh dibilang. Hari ini Jabatan Zakat dan Fitrah di mana-mana pun ada kutipan yang banyak dan mudah diagihkan kepada golongan asnab yang boleh menerima hasil kutipan zakat.

Soalan: Kekayaan dan kejayaan itu perlu dilihat dalam perspektif positif sejajar dengan tuntutan Islam yang mengaitkannya sebagai rahmat daripada Allah. Apakah ini yang dimaksudkan oleh Datuk Seri?

Datuk Seri Abdullah: Ya. Ini satu rahmat Allah, kita tidak boleh membenci dan mengadakan kempen membenci orang yang sudah berjaya atau kaya. Walaupun begitu ada orang yang sudah berjaya dan kaya bersifat sombong dan bakhil tetapi bilangannya saya percaya adalah kecil. Ramai daripada yang sudah menikmati kejayaan dan tahu bersyukur, mereka berjiwa suka membantu dan kalau dia berniaga pula dia membuka peluang pekerjaan kepada orang lain supaya mereka yang kurang berada dapat menumpang rezeki mereka yang berjaya.

Inilah rahmat yang Allah berikan. Dalam melaksanakan dasar ekonomi kita seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dulu dan sekarang Dasar Pembangunan Negara (DPN) serta usaha menuju matlamat Wawasan 2020, kita rancangkan supaya masyarakat peniaga dan pengusaha Bumiputera dapat berkembang besar.

Selain itu, profesional, cendekiawan dan pentadbir kita juga bertambah ramai agar masyarakat di negara ini semuanya senang dan menikmati pembahagian ekonomi yang dirancangkan. Bagaimanapun bila kita sudah senang janganlah kita lupa bersyukur kepada Allah dan belajar berterima kasih.

Soalan: Tumpuan kepada nilai Islam di kalangan orang Melayu selepas Merdeka khususnya sekarang meningkat mendadak dan ini semua adalah hasil usaha pemimpin Umno. Apa pandangan Datuk Seri berhubung perkara ini?

Datuk Seri Abdullah: Ya, dalam suasana sekarang, kita lihat orang Melayu sudah melalui satu perubahan yang mendadak dengan begitu cepat walaupun secara evolusi dan bukan revolusi. Perubahan ini begitu ketara dan terlalu cepat iaitu tidak sampai separuh abad selepas Merdeka. Daripada golongan marhain yang begitu ramai khususnya dengan kerja sebagai petani sudah wujud dalam masyarakat Melayu, mereka yang berjaya menjadi cendekiawan, usahawan, profesional dan sebagainya.

Ketika ini juga, peranan agama semakin meningkat. Dulu sewaktu pemerintahan British, kita hanya jaga hal ibadat, pejabat agama, urusan fitrah, nikah, cerai dan nafkah manakala tugas yang lebih sedikit ialah dalam pelajaran agama dan bahasa Arab.

Bagaimanapun, selepas Merdeka, timbul kesedaran mahu menerapkan nilai Islam dalam pemerintahan negara.

Ini semuanya bermula sebaik Datuk Seri Dr Mahathir menjadi Perdana

Menteri. Berikutan itu, kita tubuhkan institusi asas agama mengikut tuntutan Islam supaya berperanan dalam pembangunan negara.

Dengan komitmen Umno dalam usaha murni ini membuktikan institusi Islam boleh berkembang maju. Mula-mula kita cuba dengan Bank Islam yang diilhamkan Dr Mahathir dan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) sebaik beliau menjadi Perdana Menteri. Saya tahu semua ini sebab pada masa itu saya menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan ia adalah antara tugas yang diberikan kepada saya, selain menguruskan Pusat Islam dan Tabung Haji serta tugas di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan sebagainya. Apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir menyuruh beliau yang berminat dengan institusi-institusi ini mengawasinya dan saya pula menumpukan kepada JPA dengan memperkenalkan bayaran setempat, kepemimpinan melalui teladan dan sebagainya.

Soalan: Jadi kerajaan bukan sahaja berjaya melaksanakan penerapan nilai-nilai Islam di negara ini tetapi juga membuktikan ia mampu mencatatkan kemajuan cemerlang menerusi penubuhan institusi-institusi berkenaan?

Datuk Seri Abdullah: Sudah tentu. Bila institusi-institusi ini dibuat sebagai satu program dengan matlamat ke arah penerapan nilai-nilai Islam, ia ternyata berjaya. Pada hari ini jelas UIA, Bank Islam dan Takaful sudah berjaya. Sekarang kita nak tambah lagi institusi-institusi lain pula yang berasaskan agama serta mahu ia turut mencapai kejayaan cemerlang. Langkah-langkah ini memerlukan masa untuk dilaksanakan kerana ia perlu mengikut kemampuan dan keupayaan kita kerana kita tidak mahu melaksanakan sesuatu secara bidan terjun tetapi kemudiannya mendapati ia gagal. Kalau ia gagal kita bimbang ia akan menimbulkan reaksi dan pandangan kurang baik oleh mereka yang bukan Islam kepada agama Islam kononnya kaedah kita tidak boleh berjaya. Sedangkan, ia boleh berjaya jika kita membuatnya bersungguh-sungguh dan penuh perancangan bukan seperti setengah pihak.

Disebabkan usaha kita yang bersungguh dan komited, kita terkenal dengan institusi-institusi Islam dan kita dilihat sebagai orang Islam yang maju di dunia. Kita mengambil pendekatan untuk memajukan orang Islam menerusi pelajaran, pendidikan yang baik, memberikan peluang untuk mereka maju dalam pelbagai bidang. Harapan kita mahu melihat mereka menjadi orang Islam yang baik iaitu dihormati, sekaligus orang akan nampak imej Islam itu baik. Kita percaya mereka yang dapat menegak tiang Islam dan menyebarkan syiar Islam dengan baik adalah mereka yang berjaya.

Kalau orang Islam itu tidak berjaya, mundur dan kurang pengetahuan atau terkebelakang dalam semua aspek sudah tentu orang tidak kisah dan tidak peduli dengan kita. Tetapi hari ini Alhamdulillah orang Islam yakni orang Melayu diberi perhatian dan bukan lagi dianggap "melukut di tepi gantang" yang mana "kita ada pun tak tambah sukat, tak ada pun tak mengurangkan sukat." Orang Islam dan orang Melayu kita sudah diberikan tempat yang tinggi dan orang bukan Islam sentiasa menghormati kita. Di mana-mana di Malaysia terdapat kemudahan untuk orang Islam seperti masalah sama ada di hotel, kompleks dan sebagainya. Dulu mana ada tempat-tempat ini tetapi sekarang kerana orang Islam sudah ramai berjaya baik sebagai eksekuti mahupun pengerusi syarikat dan berada di merata-rata maka keperluan masalah menjadi satu keperluan. Inilah hasil usaha kerajaan yang tidak boleh dinafikan.

Soalan: Pembangkang mendakwa Umno tidak memberikan penekanan agama dalam perjuangannya sebaliknya bertumpu kepada nasionalisme Melayu. Apakah ini benar?

Datuk Seri Abdullah: Tidak benar sama sekali. Penekanan yang dilakukan oleh Umno dalam setiap matlamatnya tidak pernah lari daripada perjuangannya untuk agama, bangsa dan negara. Agama dan bangsa itu dikaitkan begitu sekali sehingga orang Melayu itu adalah semestinya Islam.

Orang Islam itu pula adalah orang Melayu dan ia tidak boleh dipisahkan. Nasionalisme yang dibawa Umno ialah Umno sebuah parti kebangsaan bersatu, tetapi kebangsaan Melayunya mengutamakan komponen agama yang begitu kuat. Ini termaktub dalam perlembagaan Umno sendiri mengikut Fasal 3 yang mendukung cita-cita kebangsaan Melayu demi mengekalkan maruah dan martabat bangsa, agama dan negara. Malah, antara asas dan tujuan Umno ditubuhkan adalah untuk menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam, agama rasmi negara serta menghormati prinsip kebebasan beragama.

Apalah erti orang Melayu jika tidak kuat kepada Islam dan apa pula yang akan jadi kepada imej Islam jika orang Melayu di Malaysia ini mundur. Kerana itu masyarakat Melayu perlu faham perjuangan Umno, kalau kita faham perkara ini, kita boleh meneruskan perjuangan kita dalam mencapai kejayaan untuk kepentingan martabat agama dan bangsa kita.

(END)